


JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (1) Mei 2025 (059-079)
Analisis Ketaksaan Homonim dalam Buku Teks Bahasa Melayu (SK) Murid Tahun Empat Berdasarkan Teori Semantik Kognitif
¹Farizah Hashim, ²Nur Farahkhanna Mohd Rusli, & ³Anida Sarudin

¹farizah523870@gmail.com, ²farahkhanna@fbk.upsi.edu.my, & ³anida@fbk.upsi.edu.my
*Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,
 Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.*

Tarikh terima : 29 November 2024

Received

Terima untuk diterbitkan : 3 Mac 2025

Accepted

Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2025

Published online
Abstrak

Makalah ini bertujuan menjelaskan analisis kefahaman makna enam leksikal homonim yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu (SK) Murid Tahun Empat berdasarkan Teori Semantik Kognitif. Data kajian diperoleh melalui kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Informan yang dipilih merupakan lapan orang murid tahun empat berbangsa Melayu yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Sungai Dua, Sekolah Kluster Kecemerlangan, Kuala Pilah. Dapatan kajian dianalisis berdasarkan Teori Semantik Kognitif. Hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman murid terhadap makna enam leksikal homonim, iaitu (i) pupuk, (ii) paras, (iii) padah, (iv) kerap, (v) ceria dan (vi) bekas adalah bervariasi. Namun, terdapat juga murid yang jauh tersasar dalam menjelaskan makna leksikal homonim berkenaan. Dapatan kajian didapati memberi implikasi terhadap perkembangan ilmu dan teori, serta institusi bahasa. Sumbangan kajian juga memberi nilai tambah kepada penggubal dasar, sorotan literatur serta amalan dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) mata pelajaran Bahasa Melayu. Teori Semantik Kognitif yang digunakan dalam analisis terdiri daripada tiga gagasan utama, iaitu pengalaman dan pemahaman realiti, proses pengkategorian dan penterjemahan realiti melalui bahasa. Hasil kajian menunjukkan faktor persekitaran fizikal, andaian dan pengalaman peribadi menjadi faktor utama oleh murid bagi menanggapi makna keenam-enam leksikal homonim tersebut. Implikasinya, kajian ini dapat mengetengahkan faktor-faktor yang mendorong murid-murid mentafsir makna leksikal homonim yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu (SK) Murid Tahun Empat berdasarkan aplikasi Teori Semantik Kognitif.

Kata kunci: homonim, teori semantik kognitif, murid, tahun empat, tahap kefahaman

***Analysis of Homonymy Fluency in Textbooks Malay Language (SK) Year Four Students
 Based on Cognitive Semantic Theory***
Abstract

This paper aims to explain the analysis of understanding the meaning of six lexical homonyms contained in the textbook Malay (SK) Fourth-year students based on the theory of cognitive semantics. The study data were obtained through literature and document analysis. The informants selected were eight Malay year four students from SK Sungai Dua, Cluster School, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. The findings were analyzed based on the theory of cognitive semantics. The results showed that the level of students' understanding of the meaning of six lexical homonyms, namely (i) pupuk, (ii) paras, (iii) padah, (iv) sering, (v) ceria, and (vi) bekas, varied. However, some students are lost in explaining the lexical meaning of homonyms. The findings were found to have implications for the of knowledge and theory, and language institutions. The contribution of the study also adds value to policymakers, literature highlights and practices in the PdPc of Bahasa Melayu subjects. The theory of cognitive semantics used in analysis consists of three main ideas, namely the experience, and

understanding of reality, the process of categorization, and translation of reality through language. The results showed that physical environment, assumptions, and personal experiences were the main factors for students to respond to the meaning of the six lexical homonyms. The implication is that this study can highlight the factors that encourage students to interpret the linguistics meaning of homonyms found in Year Four Malay language (SK) textbooks based on the application of cognitive semantic theory.

Keywords: homonyms, cognitive semantic theory, pupils, year four, level of understanding

1. Pengenalan

Ketaksaan ialah situasi linguistik yang boleh berlaku dalam pelbagai cara. Ketaksaan atau kekaburan berlaku apabila setiap bentuk lisan atau tulisan mempunyai dua atau lebih tafsiran (Muhammad Saibani Wiyanto, 2022). Dalam konteks pengajaran dan pemudahcaraan di sekolah, kebolehan untuk memahami, menguasai kosa kata dan menggunakan bahasa Melayu dengan baik semasa sesi pembelajaran atau kehidupan seharian mampu mengelakkan daripada berlakunya salah tanggapan kekaburan atau ketaksaan. Menurut Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020), ketaksaan adalah satu bentuk kekaburan, kekeliruan dalam bentuk kata, frasa atau ayat yang menimbulkan satu atau dua makna mengikut konteks penggunaannya. Namun demikian, fokus kajian ini menjurus kepada ketaksaan yang disebabkan unsur homonim. Kajian ini menghuraikan leksikal homonim yang terdapat dalam petikan pemahaman Buku Teks Bahasa Melayu (SK) Murid Tahun Empat berdasarkan Teori Semantik Kognitif. Menurut Reem Ibrahim Rabadi (2015), homonim ialah isu utama yang menimbulkan kekaburan kerana membawa kepada salah faham yang ketara terhadap mesej yang diucapkan serta menyumbang kepada peluasan makna serta keteguhan sebutan.

Homonim adalah sumber utama kekaburan, sama ada disengajakan atau tidak, yang selalunya memberikan halangan yang serius kepada murid. Ketaksaan yang berpunca daripada unsur homonim yang ditemui dalam sesuatu teks akan memberi kesan kepada aspek penguasaan makna kata. Menurut Muhamad Naufal Badarudin, Harun Baharudin dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2021), tanpa penguasaan makna yang jelas, penguasaan bahasa murid akan terbatas. Penguasaan kosa kata terganggu apabila murid tidak memahami makna sesuatu perkataan yang akan menimbulkan ketaksaan atau kekaburan makna. Ayat yang mengandungi ketaksaan atau kekaburan ialah ayat yang mengandungi lebih banyak perkataan, frasa atau ayat daripada satu makna (Erik Santoso, 2020). Berdasarkan isu ketaksaan makna yang telah dijelaskan, hal ini berkait rapat dengan penguasaan bahasa khususnya melibatkan pemahaman makna yang telah dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Kajian oleh Wan Nurzuliana Wan Mustafa (2019) menyatakan bahawa asas kefahaman makna yang rendah akan meninggalkan kesan yang negatif termasuklah pencapaian yang rendah, minat belajar yang kurang dan keyakinan diri yang rendah. Perkara ini akan menyebabkan murid tidak menjawab soalan kefahaman dengan baik ketika menduduki pentaksiran dan penilaian disebabkan ketidakceapan menguasai kemahiran kefahaman bacaan.

Jelas bahawa ketaksaan dan penguasaan makna sememangnya memberi impak yang besar terhadap penguasaan bahasa Melayu dalam semua peringkat sama ada di sekolah rendah, menengah atau di peringkat pengajian tinggi. Ketaksaan (ambiguitas) dalam berbahasa sama ada secara lisan atau tulisan akan memberi kesan kepada pemahaman berkaitan isi atau maklumat yang ingin disampaikan. Dalam proses tersebut, sesuatu pesanan dapat menimbulkan pelbagai interpretasi makna pada tahap tertentu. Jika diteliti secara terperinci, kemahiran memahami makna kata adalah berkait rapat dengan aspek kefahaman membaca. Faktor memori, tumpuan dan penghayatan terhadap bahan, kemampuan linguistik, keupayaan dalam memahami bahasa pertuturan dan tafsiran perkataan turut menyumbang ke arah kefahaman (Singh & Mishra, 2016). Kelemahan penguasaan kemahiran kefahaman membaca disebabkan faktor ketaksaan akan menyukarkan murid menguasai kemahiran bacaan peringkat yang lebih tinggi, iaitu kefahaman membaca inferensi, kritikal, kreatif, dan afektif. Kefahaman membaca merupakan kemahiran kefahaman asas yang dijadikan prasyarat untuk mempercepatkan penguasaan kemahiran-kemahiran kefahaman yang lain yang lebih kompleks. Selain itu, bahasa merupakan teras kepada perkembangan kanak-kanak kerana bahasa akan membantu mereka untuk berkomunikasi dan memahami butiran kehidupan seharian yang mereka lalui. Keberkesanan sesuatu mesej yang disampaikan bergantung kepada kefahaman makna perkataan yang digunakan dalam sesuatu komunikasi.

2. Sorotan Literatur

Ketaksaan Makna

Kajian berkaitan ketaksaan makna merupakan topik yang sering menjadi tumpuan pengkaji dalam bidang semantik serta meliputi pelbagai bahasa. Antara kajian yang pernah dijalankan berkaitan isu ini ialah bertajuk Ketaksaan Leksikal dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu. Kajian ini dilakukan oleh Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020). Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu menggunakan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986). Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat peniaga Terengganu sangat gemar dan suka menggunakan unsur ketaksaan dalam perbualan mereka secara semula jadi. Hal ini dapat dibuktikan dalam penemuan data empiris, iaitu terdapat unsur ketaksaan dalam bentuk kata. Kekaburan penggunaan ganti nama 'dia' bagi benda-benda tidak bernyawa telah dapat diselesaikan setelah dianalisis menggunakan Teori Relevans.

Selain itu, kajian berkaitan ketaksaan telah dijalankan oleh Erik Santoso (2020) dengan memfokuskan penelitian mendeskripsikan ketaksaan kata, frasa atau ayat yang wujud dalam surat khabar Suara Merdeka dalam bahasa Indonesia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif. Hasil kajian, beliau mendapati bahawa tajuk surat khabar Suara Merdeka mengandungi unsur ketaksaan yang meliputi ketaksaan gramatikal dan ketaksaan leksikal. Data ketaksaan gramatikal telah ditemui sebanyak 10 tajuk pada surat khabar yang mewakili 50 peratus. Ketaksaan leksikal juga berjumlah 10 tajuk dan mewakili 50 peratus pada surat khabar berkenaan.

Dapatan ini menyokong kenyataan Ullman (2007) yang menyatakan bahawa ada makna yang berganda disebabkan oleh faktor gramatikal. Menurutnya, dalam bahasa, terdapat bentuk gramatikal pada struktur ayat yang mempunyai makna yang berganda sehingga menimbulkan kekaburan pemahaman pembaca atau pendengar. Bahasa lisan sering menimbulkan taksa kerana apa-apa yang kita dengar belum tentu maksud itu yang ingin disampaikan oleh pembaca atau penulis. Menurut Erik Santoso (2020), ketaksaan leksikal dinyatakan sebagai kata, frasa dan ayat yang mempunyai makna ganda kerana kata dasarnya mempunyai lebih daripada satu makna bergantung kepada konteks. Perbandingan kajian oleh Erik Santoso (2020) dengan konteks kajian ini dapat dilihat daripada sudut instrumen yang digunakan, iaitu beliau menggunakan surat khabar Suara Merdeka untuk mendeskripsi ketaksaan gramatikal dan ketaksaan leksikal. Ketaksaan gramatikal dan leksikal yang dianalisis disentuh secara umum sahaja tanpa diperincikan secara mendalam.

Homonim

Kajian yang menjurus kepada homonim pernah dijalankan oleh beberapa orang pengkaji sama ada di dalam ataupun di luar negara. Antara pengkaji luar negara yang menjadikan isu ketaksaan ini bidang kajian mereka ialah Maria Kaltsa dan Despina Papadopoulou (2023). Kajian ini bertujuan untuk meneroka penyelesaian kekaburan leksikal dwibahasa kanak-kanak yang menggunakan pengaktifan homonim bermakna. Secara khusus, kajian ini adalah untuk mengkaji pemprosesan homonim Yunani berhubung dengan input, keupayaan lisan dan kapasiti kognitif kanak-kanak berumur 10 hingga 12 tahun yang dibesarkan sebagai pendatang. Bahasa Albania ialah bahasa warisan mereka dan bahasa Yunani ialah bahasa majoriti. Kajian berkenaan secara sistematik menilai kesan konteks ayat dalam pengaktifan makna homonim menggunakan tugas penyebuan silang modal. Selain itu, Reem Ibrahim Rabadi (2015) turut mengkaji kesan homonim terhadap terjemahan pelajar di Universiti Jordan. Kajian ini menjelaskan kekaburan homonim Arab dan kesan negatifnya terhadap prestasi pelajar sarjana penterjemahan di tiga universiti Jordan. Homonim telah dikenal pasti sebagai punca utama kekaburan leksikal dalam bahasa kerana sering menimbulkan halangan komunikasi dan mewujudkan kesukaran kepada penutur bahasa ibunda (Reem Ibrahim Rabadi, 2015).

Dapatan kajian ini juga menyatakan bahawa penyelidikan akademik yang meluas memberi tumpuan kepada kesan homonim sama ada bahasa Arab atau Inggeris telah menjelaskan kesilapan linguistik yang dilakukan oleh pelajar bahasa. Hal ini juga akan membantu dalam perancangan sukatan

pelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan serta dapat mengelakan kesamaran makna. Dapatan ini selari dengan kenyataan oleh Maria Kalsa dan Despina Papadopoulou (2023) yang menyatakan bahawa proses pembelajaran bahasa yang samar-samar dan mengelirukan adalah disebabkan fenomena linguistik dan perbezaan budaya yang tidak pasti. Akibatnya murid mengalami kekeliruan dengan perkara yang tidak diketahui, tidak dapat diramalkan, kompleks, dan situasi rumit. Kekaburan semantik berulang dalam mana-mana item leksikal akan menimbulkan pelbagai makna dan kekaburan.

Perbincangan berkenaan homonim turut dikaji oleh Caitlin A. Rice et al. (2018). Kajian mereka bertujuan untuk membuat perbandingan anggaran kekerapan makna homonim yang diperoleh daripada sari kata filem dan televisyen, perkaitan bebas dan penilaian eksplisit. Dapatan umum kajian ini menyatakan bahawa kesan kekaburan memberikan impak kepada kajian berhubung pemahaman aspek leksikal. Makna perkataan yang samar-samar telah menimbulkan kepelbagaian makna dalam konteks tertentu. Oleh itu, sejajar dengan dapatan kajian lepas, jelas membuktikan bahawa homonim merupakan isu global yang perlu diberikan tumpuan kerana berupaya menimbulkan ketaksaaan makna dan menjejaskan pencapaian murid. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menganalisis aspek ketaksaaan khususnya berkaitan homonim yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu (SK) Tahun Empat. Walaupun isu ketaksaaan masih menjadi topik utama namun jurang daripada aspek teori, metodologi dan peserta kajian adalah jelas berbeza. Teori Semantik Kognitif yang memerikan struktur konseptual asas iaitu Skema Imej yang dipelopori oleh George Lakoff (1987) telah dijadikan landasan teori untuk kajian ini.

Kebolehbacaan Buku Teks

Buku teks merupakan elemen yang sangat penting dalam sistem pendidikan negara. Penampilan buku teks yang berkualiti merupakan perkara yang perlu dititikberatkan. Berdasarkan kajian Nurul Hasna et al. (2020) bertajuk "Analisis Kandungan Terhadap Penampilan Kandungan, Soalan dan Aktiviti buku teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap Dua: Data Anekdota", beberapa kelemahan telah dikenal pasti dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun Empat, Lima dan Enam. Antaranya ialah ketiadaan rumusan atau kesimpulan khusus bagi setiap topik yang dibincangkan, arahan atau soalan yang bersifat stereotaip dalam aktiviti kemahiran membaca, soalan-soalan yang tidak spesifik dan terlalu luas dalam setiap tema, serta terdapatnya pelbagai arahan atau kehendak dalam satu soalan.

Selain itu, aspek kebolehbacaan merupakan perkara asas yang perlu diberi pertimbangan sewajarnya dalam penyediaan buku teks. Satu kajian tentang kebolehbacaan telah dijalankan oleh Shan Wang, Xiaojun Liu dan Jie Zhou (2023) yang menyatakan pendapat secara umum bahawa kebolehbacaan semakin berkurangan dalam bahasa dan linguistik. Kebolehbacaan mencerminkan tahap senang atau sukar sesuatu teks dan kebolehbacaan tinggi menunjukkan teks yang mudah untuk difahami. Kajian ini dijalankan berdasarkan korpus yang terdiri daripada 71,628 abstrak yang diterbitkan dalam jurnal Indeks Petikan Sains Sosial (SSCI) WOS dalam bahasa dan linguistik dari 1991 hingga 2020. Sembilan indeks kebolehbacaan untuk menganalisis kebolehbacaan dan hubungannya dengan petikan telah diaplikasikan. Keputusan menunjukkan bahawa kebolehbacaan bagi abstrak dalam jurnal bahasa dan linguistik adalah rendah. Lebih-lebih lagi, dalam tempoh 30 tahun yang lalu, kebolehbacaan terhadap abstrak dalam bahasa dan abstrak linguistik semakin berkurangan.

Kebolehbacaan merupakan aspek penting dalam sesuatu teks. Kepentingan kebolehbacaan turut dibincangkan dalam teks Arab yang sangat berkait rapat dengan pendidikan di Malaysia. Menurut Mohd Khairul Akhbar Jahiruddin, Zulazhan Ab. Halim dan Mohamad Azwan Kamarudin (2017), kajian kebolehbacaan teks Arab semakin berkembang di negara-negara Arab, namun masih di peringkat awal di Malaysia. Kekurangan garis panduan untuk menilai kesesuaian buku teks untuk khalayak mereka merupakan kekangan utama yang mendorong kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cara penggunaan ciri linguistik dalam teks Arab dan perkaitan antara ciri linguistik dan kebolehbacaan teks. Ciri-ciri linguistik yang dianalisis ialah perkataan lazim, kata abstrak, ayat mudah, ayat kompleks, klausa nama, purata panjang ayat dan kata hubung serta penanda wacana. Ciri-ciri ini dianalisis menggunakan analisis deskriptif, dan korelasi Pearson. Dapatan kajian mendapati

penggunaan ayat mudah berada pada tahap rendah diikuti ayat kompleks dan klausa kata nama pada tahap sederhana.

Kajian lepas telah membincangkan tiga aspek utama iaitu ketaksaan, homonim dan kebolehbacaan buku teks. Ketiga-tiga aspek ini saling berkait dalam bidang bahasa dan pendidikan. Dalam aspek ketaksaan makna, kajian terdahulu menunjukkan bahawa fenomena ini wujud dalam pelbagai bentuk komunikasi, sama ada dalam perbualan harian masyarakat mahupun penulisan media. Ketaksaan boleh dibahagikan kepada ketaksaan gramatikal, dan leksikal yang memberi impak kepada pemahaman pembaca atau pendengar. Kajian mendapati bahawa homonim merupakan punca utama kekaburan leksikal yang boleh menimbulkan halangan dalam komunikasi dan pembelajaran bahasa. Hal ini turut memberi kesan kepada prestasi pelajar, terutamanya dalam konteks pembelajaran dwibahasa, dan penterjemahan. Sementara itu, dalam aspek kebolehbacaan buku teks, penyelidikan terdahulu mengetengahkan kepentingan kebolehbacaan dalam bahan pendidikan. Kajian-kajian ini mendedahkan beberapa kelemahan dalam buku teks serta trend penurunan tahap kebolehbacaan dalam penulisan akademik yang memberi impak kepada keberkesanan pembelajaran. Semua dapatan ini menunjukkan kepentingan untuk menangani isu-isu bahasa ini secara holistik bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berdasarkan kajian kes yang dijalankan untuk menghuraikan pemahaman murid terhadap leksikal homonim yang terdapat dalam petikan pemahaman Buku Teks Bahasa Melayu (SK) Tahun Empat berdasarkan Teori Semantik Kognitif. Terdapat dua kaedah pengumpulan data yang digunakan, iaitu kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Kaedah kepustakaan dilakukan dengan merujuk sumber-sumber bertulis seperti buku, jurnal, tesis dan lain-lain untuk mencari kelompangan dan isu-isu yang berkaitan dengan skop kajian. Proses mengenal pasti homonim yang terdapat dalam buku teks yang dikaji telah disaring berdasarkan tema, unit dan muka surat. Fokus pencarian leksikal homonim terarah kepada petikan pemahaman yang terdapat dalam buku teks berkenaan. Terdapat enam leksikal homonim yang telah dikenal pasti, iaitu (i) pupuk, (ii) paras, (iii) padah, (iv) kerap, (v) ceria, dan (vi) bekas. Pengumpulan data melalui analisis dokumen pula dilakukan dengan menyediakan lembaran kerja kepada peserta kajian yang terlibat. Murid dikehendaki memberikan makna perkataan bagi homonim yang telah dikenal pasti serta membina ayat berdasarkan perkataan berkenaan.

Pemahaman peserta kajian terhadap homonim yang disenaraikan dianalisis menggunakan Teori Semantik Kognitif. Hasil jawapan murid dihuraikan menggunakan kerangka jaringan radial. Dalam semantik kognitif, kerangka jaringan radial adalah satu pendekatan penting untuk memahami proses makna sesuatu perkataan berkembang dan saling berhubung. Kerangka jaringan radial menggambarkan hubungan antara makna teras (prototaip) dengan makna-makna pinggir yang berkembang daripadanya melalui proses kognitif. Kerangka jaringan radial membantu untuk menjelaskan bahawa makna sesuatu perkataan tidak bersifat statik tetapi membentuk satu jaringan yang kompleks dan dinamik. Pemahaman tentang struktur jaringan radial penting dalam kajian semantik kognitif kerana berfungsi untuk menjelaskan bagaimana manusia memproses dan mengembangkan makna dalam bahasa secara natural dan bermakna.

Seterusnya, pemilihan peserta kajian adalah menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Peserta kajian terdiri daripada lapan orang murid tahun empat dari Sekolah Kebangsaan Sungai Dua (Sekolah Kluster Kecemerlangan) Kuala Pilah. Pemilihan sekolah berkenaan dibuat berdasarkan pertimbangan bahawa sekolah berkenaan merupakan sekolah kluster yang mempunyai kebitaraan untuk mata pelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, kerjasama yang baik daripada pihak sekolah amat membantu penyelidik bagi mendapatkan akses kepada populasi pelajar dalam berbagai kelompok umur, yang menjadi subjek kajian pendidikan. Peserta kajian yang terlibat mempunyai latar belakang pencapaian yang berbeza. Sepanjang kajian ini dilaksanakan, etika penyelidikan yang melibatkan manusia sebagai peserta kajian telah dipatuhi dengan mengelak daripada bertanya atau menyentuh isu-isu sensitif seperti perkauman dan keagamaan, serta merahsiakan nama responden yang terlibat dalam kajian bagi menjaga sensitiviti peserta kajian.

Teori Semantik Kognitif

Semantik kognitif merupakan pengkaedahan dalam disiplin semantik yang berkembang sebagai tindak balas terhadap pandangan pengkategorian semantik struktural generatif secara tradisional. Menurut George Lakoff (1987), terdapat tiga prinsip asas semantik kognitif, iaitu struktur konseptual yang bersifat penjelmaan (*embodied*) yang bermaksud pengalaman manusia dalam memahami konsep adalah berdasarkan pengalaman fizikal dengan alam sekitar. Prinsip kedua menyatakan struktur semantik adalah struktur konseptual yang bermaksud makna dalam bahasa tidak boleh dipisahkan daripada pemikiran dan pengalaman manusia. Prinsip ketiga pula menegaskan perwakilan makna adalah bersifat ensiklopedik, iaitu pemahaman makna sesuatu perkataan tidak terhad kepada definisi kamus sahaja.

Selaras dengan prinsip penjelmaan (*embodied*) dalam Teori Semantik Kognitif, skema imej merupakan struktur kognitif umum dan abstrak dalam ruang mental yang terbentuk hasil daripada pengalaman dan interaksi fizikal manusia dengan persekitaran (Jie Yu, 2022). Skema imej menggambarkan prinsip kedua teori ini iaitu struktur semantik adalah struktur konseptual apabila manusia menggunakan pengalaman fizikal untuk memahami konsep yang lebih abstrak melalui struktur konseptual asas yang terbentuk daripada pengalaman sensori motor.. Menurut Tay (2021), skema imej boleh difahami sebagai versi skematik imej kerana berlakunya generalisasi abstrak bagi beberapa contoh pengalaman deria terhadap dunia, yang mencerminkan sifat ensiklopedik dalam pemahaman makna seperti yang dinyatakan dalam prinsip ketiga Teori Semantik Kognitif. Dengan kata lain, skema imej merupakan manifestasi konkrit ketiga-tiga prinsip asas Teori Semantik Kognitif dalam proses pemahaman makna. Dalam menganalisis makna homonim menggunakan skema imej, terdapat lima skema imej yang dominan untuk mengikat peluasan makna bagi leksikal yang tersenarai. Skema imej berkenaan ialah skema imej **DAYA**. Seterusnya, skema imej **SKALA** dan skema imej **RUANG**. skema imej **LALUAN**, dan skema imej **BEKAS**.

4. Analisis dan Perbincangan

Bahagian ini menghuraikan enam leksikal homonim yang terdapat dalam petikan pemahaman Buku Teks Bahasa Melayu (SK) murid tahun empat berdasarkan Teori Semantik Kognitif yang berlandaskan kepada konsep trajektor (TR) dan landmark (LM), dan skema imej. Tafsiran leksikal “kerap” telah dinyatakan dengan tepat oleh peserta kajian. Jadual 1 memaparkan makna leksikal homonim yang diperoleh daripada lapan peserta kajian.

Jadual 1

Tafsiran leksikal homonim oleh peserta kajian.

Peserta Kajian (PK)	Leksikal					
	pupuk	paras	padah	kerap	ceria	bekas
PK 1	dimakan	paras air	Menjadi	selalu	bahagia	tempat meletak barang
PK 2	ditampar	tinggi	Jadi	selalu	gembira	perabot
PK 3	cubit	paras tinggi	suatu hari	selalu	kesas (kisah)	tapaway (jenama tupperware)
PK 4	ditepuk	tinggi air	kesimpulan	selalu	gembira	bekal
PK 5	ditepuk	melihat	Jadi	selalu	bergembira	bekal
PK 6	bedak	tinggi	Jadi	selalu	gembira	bekal
PK 7	menolong	ketinggian	Akibat	selalu	gembira/girang	benda yang boleh mengisi makanan
PK 8	dipukul, ditepuk	paras muka, air	Kesan	setiap hari	gembira	bekas makan, bekas kawan


Makna pinggiriran baharu (MPB)	dimakan ditampar cubit ditepuk bedak menolong dipukul	melihat	suatu hari kesimpulan		kesas (kisah)	perabot tupperware bekal
--------------------------------	---	---------	--------------------------	--	------------------	--------------------------------

Jadual 1 menunjukkan keenam-enam leksikal homonim yang telah dikenal pasti yang terdapat dalam petikan pemahaman Buku Teks Bahasa Melayu (SK) Tahun 4. Berikut dibincangkan makna setiap homonim berkenaan meliputi makna teras, makna pinggiriran dan makna pinggiriran baharu menggunakan konsep trajektor dan landmark, dan skema imej. Makna teras dan makna pinggiriran diperoleh berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2016).

i. Leksikal “pupuk”

Rajah 1

Kerangka Jaringan Radial “pupuk”



Rajah 1 menunjukkan kerangka jaringan radial yang menjelaskan makna teras (MT), makna pinggiriran (MP) dan makna pinggiriran baharu (MPB) bagi leksikal “pupuk”. Makna teras (MT) bagi leksikal “pupuk” ialah sesuatu yang menyebabkan menjadi maju, berkembang dan sebagainya. Makna pinggiriran (MP) “pupuk” merujuk kepada penggunaan ubat-ubat yang dibuat daripada tumbuh-tumbuhan yang digiling lumat-lumat dan ditempelkan pada dahi manakala makna pinggiriran “pupuk” merujuk kepada bahan yang digunakan untuk menyuburkan tanah atau tanaman seperti baja. Selain itu, terdapat tujuh makna pinggiriran baharu (MPB) yang dinyatakan oleh peserta kajian. Bagi menjelaskan makna “pupuk” berdasarkan jawapan yang diberikan oleh peserta kajian, skema imej yang paling dominan untuk mengikat peluasan makna “pupuk”, adalah skema imej DAYA. Dalam ketiga-tiga kelompok makna yang dinyatakan, terdapat konsep yang jelas tentang asas daya yang bertindak untuk membawa perubahan, iaitu daya yang mendorong kemajuan (MT), daya yang membawa penyembuhan (P1), dan daya yang menyuburkan (P2). Skema imej DAYA dapat menjelaskan “pupuk” sebagai sesuatu yang memiliki keupayaan untuk memberi kesan, mengubah, atau meningkatkan sesuatu keadaan. Pemahaman ini membolehkan perkaitan antara makna teras dan makna-makna pinggiriran dijelaskan dengan lebih tepat walaupun dalam konteks berbeza.

Berdasarkan Jadual 1, terdapat pelbagai kefahaman makna terhadap leksikal “pupuk” yang tidak terkait secara langsung dengan makna teras dan makna pinggiriran. PK1 memahami “pupuk” dengan maksud “dimakan” manakala, pemahaman makna “pupuk” bagi PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK8 dikaitkan sebagai “ditampar”, “cubit”, “ditepuk” dan “dipukul”. Bagi PK7, makna “pupuk”

dikaitkan dengan maksud “menolong”. Berdasarkan data, terdapat pelbagai tafsiran makna perkataan “pupuk” yang dinyatakan oleh peserta kajian. Variasi makna yang dinyatakan menunjukkan leksikal “pupuk” mempunyai kriteria homonim, iaitu kata yang mempunyai ejaan dan sebutan yang sama tetapi mempunyai maksud yang berbeza. Makna-makna baharu yang dihasilkan seperti “dimakan”, “ditampar”, “cubit”, “ditepuk” dan “dipukul” didapati berbeza dengan makna teras (MT) dan makna pinggiran (MP) seperti yang dinyatakan dalam **Rajah 1**. Fenomena ini berlaku apabila bunyi perkataan "pupuk" dalam konteks tertentu menyerupai bunyi perbuatan yang berkaitan dengan makna-makna baharu tersebut. Sebagai contoh, bunyi "puk" dalam "pupuk" mungkin dikaitkan dengan bunyi yang terhasil daripada perbuatan menepuk atau memukul, yang kemudiannya membawa kepada pengembangan makna baharu.

Sebagai contoh, makna yang dikemukakan oleh PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK8 memberikan pengertian dalam kelompok maksud yang hampir sama. Maksud “pupuk” dikaitkan sebagai “ditepuk”, “dipukul” dan “ditampar”. Dapatan ini tidak menolak kemungkinan bahawa persamaan bunyi yang hampir antara “pupuk” dan “tepuk”, menimbulkan kebarangkalian makna berkenaan dihasilkan. Seterusnya, dalam mengaitkan pemahaman makna "pupuk" seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian dengan berlandaskan skema imej **DAYA**, setiap makna yang dinyatakan oleh peserta kajian mencerminkan konsep daya atau tenaga yang memberi kesan atau perubahan. Berikut adalah penjelasan terhadap makna yang dinyatakan oleh peserta kajian:

PK1: dimakan:

Perbuatan atau aktiviti “makan” melibatkan daya yang digunakan untuk mengunyah dan menelan makanan. Makanan juga boleh dilihat sebagai sumber tenaga untuk badan.

PK2: ditampar:

Tamparan melibatkan penggunaan daya fizikal yang memberi kesan kepada objek atau orang yang ditampar.

PK3: cubit:

Cubitan melibatkan penggunaan daya fizikal, walaupun pada skala yang lebih kecil berbanding tamparan.

PK4 dan PK5: ditepuk:

Tepukan merupakan aktiviti fizikal seperti tamparan dan cubitan yang melibatkan penggunaan daya fizikal yang memberi kesan kepada objek atau orang yang ditepuk.

PK6: bedak:

Bedak boleh dilihat sebagai bahan yang digunakan untuk memberi kesan kepada kulit, sama ada untuk tujuan kosmetik atau penjagaan kulit.

PK7: menolong:

Tindakan menolong melibatkan penggunaan daya atau tenaga (fizikal atau mental) untuk memberi kesan positif atau perubahan kepada situasi atau orang lain.


PK8: dipukul:

Pukulan merupakan aktiviti fizikal yang hampir sama dengan tamparan dan cubitan. Perbuatan berkenaan melibatkan penggunaan daya fizikal yang kuat untuk memberi kesan kepada objek atau orang yang dipukul.

Walaupun beberapa makna yang dinyatakan oleh peserta kajian kelihatan berbeza daripada makna asal "pupuk", namun masih terdapat perkaitan dengan skema imej **DAYA**. **Rajah 2** memaparkan skema imej **DAYA** bagi mengikat peluasan makna “pupuk”.

Rajah 2

Skema Imej DAYA




Rajah 2 menunjukkan skema imej DAYA bagi leksikal "pupuk" yang disusun dalam bentuk segi empat untuk memperlihatkan aliran daya dengan lebih jelas. Segi empat biru di bahagian atas mewakili makna teras yang merujuk kepada sesuatu yang menyebabkan maju dan berkembang. Daya mengalir kepada dua arah untuk membentuk makna pinggiran yang diwakili oleh dua segi empat hijau. Segi empat di sebelah kiri merujuk kepada ubat tradisional yang ditempelkan, dan petak hijau di sebelah kanan merujuk kepada bahan yang menyuburkan tanah atau tanaman. Segi empat ungu yang lebih besar di bahagian bawah menampung makna pinggiran baharu yang merangkumi pelbagai perbuatan fizikal seperti dimakan, ditampar, cubit, ditepuk, dan dipukul. Anak panah merah dan label "DAYA" menunjukkan arah pergerakan daya dari makna teras kepada makna-makna pinggiran dan makna pinggiran baharu. Susunan segi empat ini membolehkan hubungan hierarki dan aliran daya dipaparkan dengan lebih teratur dan mudah difahami.

Semua makna yang melibatkan tindakan fizikal seperti ditampar, cubit, ditepuk dan dipukul mencerminkan penggunaan daya yang memberi kesan langsung kepada objek atau orang. Jelaslah bahawa, walaupun beberapa makna yang dinyatakan oleh peserta kajian didapati jauh dari makna asal "pupuk", namun skema imej DAYA dilihat jelas mendasari pemahaman mereka. Setiap makna melibatkan konsep daya atau tenaga yang digunakan untuk memberi kesan atau perubahan, sama ada secara fizikal, fisiologi, atau metaforikal. Dapatan ini menunjukkan bahawa Skema Imej DAYA adalah asas kognitif yang kuat dalam pemahaman konsep "pupuk" dalam kalangan peserta kajian.

ii. Leksikal “paras”

Rajah 3


Kerangka Jaringan Radial “paras”



Rajah 3 menunjukkan kerangka jaringan radial yang menjelaskan makna teras (MT), makna pinggiran (MP) dan makna pinggiran baharu (MPB) bagi leksikal “paras”. Makna teras leksikal “paras” ialah rupa muka atau wajah. Seterusnya, terdapat dua makna pinggiran bagi leksikal “paras”. Makna pinggiran pertama merujuk kepada rata, tidak tinggi rendah, had atau aras. Makna pinggiran kedua bagi “paras” ialah sejenis batu atau lapisan tanah yang keras. Selain itu, terdapat hanya satu makna pinggiran baharu (MPB), iaitu “melihat”. Bagi menjelaskan makna "paras berdasarkan jawapan yang diberikan oleh peserta kajian, skema imej yang paling sesuai adalah skema imej SKALA dan skema imej RUANG. Rajah 3 memaparkan profil skema imej SKALA dan skema imej RUANG untuk “paras”.

Rajah 4

Skema Imej SKALA dan Skema Imej RUANG



Skema imej SKALA dapat mengikat peluasan makna "paras" dalam domain ukuran atau dimensi. Skema berkenaan melibatkan konsep kenaikan atau penurunan dalam jumlah yang bersifat abstrak atau konkrit. Dalam konteks ini, skema imej SKALA membantu memahami dan mengorganisasi pengalaman yang berkaitan dengan ukuran dan perbandingan seperti besar-kecil, tinggi-rendah, atau banyak-sedikit. Dalam kes ini, skema imej SKALA membolehkan pengguna bahasa memahami "paras" sebagai satu titik atau tahap dalam skala menegak yang boleh diukur dan

dibandingkan, sama ada menunjukkan ketinggian yang sama, lebih tinggi, atau lebih rendah. Selain itu, skema imej RUANG juga berperanan dalam mengikat peluasan makna "paras" kerana melibatkan konsep ruang fizikal dalam tiga dimensi. Kedua-dua skema imej ini berkait rapat dalam membentuk pemahaman "paras" sebagai ukuran atau tahap yang boleh dibandingkan dalam ruang fizikal.

Berdasarkan Jadual 1, hanya PK8 yang menyatakan makna "paras" ialah muka, iaitu menjurus kepada makna teras. PK8 turut mengaitkan "paras" dengan paras air manakala PK1, PK2, PK3, PK4 PK6 dan PK7 mengaitkan leksikal "paras" dengan ketinggian yang merujuk kepada makna pinggirannya yang pertama berdasarkan kerangka jaringan radial. Berdasarkan data, tidak ada seorang pun peserta kajian yang mengaitkan makna "paras" dengan makna pinggirannya yang merujuk kepada sejenis batu atau lapisan tanah yang keras, cadas dan padas. Terdapat satu makna pinggirannya baharu (MPB) bagi leksikal "paras", iaitu "melihat". Berikut adalah penjelasan terhadap makna "paras" yang dinyatakan oleh peserta kajian:

PK1 dan PK4 : paras air / tinggi air:

Data ini menunjukkan bahawa peserta kajian memahami bahawa air membentuk permukaan yang rata dan boleh diukur. Dapatan ini selari dengan konsep skema imej SKALA yang menunjukkan tahap atau ketinggian sesuatu benda.

PK2, PK6 dan PK7: tinggi / ketinggian / paras tinggi:

Jawapan yang dikemukakan oleh peserta kajian adalah merujuk kepada ukuran vertikal dari suatu permukaan asas. Kaitan data berkenaan dengan skema imej SKALA adalah menggambarkan jarak dari satu permukaan ke permukaan yang lain.

PK5: melihat:

Jawapan berkenaan didapati mempunyai perbezaan yang ketara berbanding jawapan peserta kajian yang lain. Peserta kajian mungkin merujuk kepada melihat permukaan sesuatu atau tahap sesuatu. Dari sudut skema imej RUANG, jawapan berkenaan melibatkan persepsi visual terhadap ruang tertentu.

PK8: paras muka:


Makna yang dinyatakan oleh peserta kajian adalah merujuk kepada rupa seseorang. Dalam konteks skema imej RUANG, wajah dianggap sebagai ruang yang mempunyai ciri-ciri tertentu.

Jelaslah bahawa, interpretasi makna "paras" oleh peserta kajian menunjukkan pemahaman yang konsisten dengan skema imej SKALA dan skema imej RUANG. Peserta cenderung mengaitkan "paras" dengan konsep yang boleh diukur, dilihat, atau dibandingkan, sama ada melibatkan permukaan fizikal (seperti air atau muka) atau konseptual (seperti ketinggian atau tahap). Dapatan ini menunjukkan bahawa skema imej SKALA dan skema imej RUANG adalah asas kognitif yang kuat dalam pemahaman konsep "paras" dalam kalangan peserta kajian.

iii. Leksikal “padah”

Rajah 5


Kerangka Jaringan Radial “padah”



Rajah 5 menunjukkan kerangka jaringan radial yang menjelaskan makna teras (MT), makna pinggiran (MP) dan makna pinggiran baharu (MPB) bagi leksikal “padah”. Makna teras leksikal “padah” ialah alamat atau tanda sesuatu kejadian yang akan berlaku. Terdapat dua makna pinggiran yang dikaitkan dengan “padah”. Makna pinggiran yang pertama bermaksud akibat, imbalan, dan balasan manakala makna pinggiran yang kedua bermaksud menjemput. Namun demikian, terdapat makna pinggiran baharu yang dinyatakan oleh peserta kajian terhadap makna leksikal ‘padah’, iaitu “suatu hari” dan “kesimpulan”. Berdasarkan maklumat yang diberikan, skema imej yang dominan untuk menjelaskan konsep “padah” adalah skema imej LALUAN (*Path*). Berikut adalah profil skema imej LALUAN untuk peluasan makna “padah”.

Rajah 6

Skema Imej LALUAN



Skema imej LALUAN dijadikan landasan dalam memahami makna leksikal “padah” kerana dalam skema imej berkenaan dijelaskan idea tentang titik permulaan (keadaan semasa atau tindakan awal). Skema berkenaan turut mempunyai laluan atau pergerakan (proses menuju ke arah sesuatu), dan mempunyai destinasi (kejadian yang akan berlaku, akibat, atau balasan). Skema imej LALUAN menjelaskan “padah” sebagai tanda yang menunjukkan arah laluan yang menuju kepada kejadian masa depan (makna teras), laluan dari tindakan kepada akibatnya (makna pinggiran pertama) dan permulaan laluan melalui jemputan (makna pinggiran kedua). Skema imej LALUAN adalah fleksibel dan boleh mengakomodasi makna pinggiran baharu yang dinyatakan oleh peserta kajian. Hal ini kerana skema imej berkenaan merangkumi pelbagai jenis pergerakan atau hubungan sebab-akibat.

Berdasarkan Jadual 1, didapati PK1, PK2, PK5, PK6 menyatakan kefahaman mereka tentang makna leksikal “padah” sebagai “jadi”. Makna berkenaan hampir sama dengan makna teras iaitu berkait sesuatu kejadian yang akan berlaku. Pada dasarnya, kefahaman mereka menggambarkan bahawa “padah” dimaknai sebagai sesuatu yang akan terjadi disebabkan oleh perbuatan tertentu. Bagi

PK7 dan PK8, data menunjukkan bahawa mereka memahami leksikal “padah” dengan maksud “akibat” dan “kesan” yang dikelompokkan dalam makna pinggiran pertama. Tidak terdapat sebarang data yang mengaitkan leksikal “padah” dengan makna pinggiran yang kedua yang membawa makna “menjemput”. Walau bagaimanapun, terdapat dua makna pinggiran baharu yang dikesan daripada data berkenaan. Leksikal “padah” diertikan sebagai “suatu hari” oleh PK3 manakala PK4 memahami maksud “padah” sebagai “kesimpulan”. Berikut adalah penjelasan terhadap makna “padah” yang dinyatakan oleh peserta kajian:

PK1, PK2, PK5, PK6, PK7 dan PK8: jadi, akibat, dan kesan:

Dalam konteks Skema Imej Laluan, makna-makna ini boleh diinterpretasikan sebagai berikut:

- Titik permulaan: Tindakan atau keadaan awal
- Laluan: Proses atau tempoh masa antara tindakan dan hasilnya
- Destinasi: Hasil akhir (jadi, akibat, atau kesan)

"Padah" menggambarkan perjalanan dari satu tindakan atau keadaan menuju kepada suatu hasil. Laluan ini mewakili hubungan sebab-akibat, iaitu melibatkan tindakan awal yang membawa kepada hasil tertentu.

PK3: suatu hari:

Makna ini boleh diinterpretasikan sebagai:

- Titik permulaan: Masa kini atau keadaan semasa
- Laluan: Perjalanan masa
- Destinasi: Masa hadapan yang tidak ditentukan ("suatu hari")

"Padah" dalam konteks ini menunjukkan perjalanan masa dari keadaan semasa kepada suatu titik di masa hadapan. Ia menyiratkan bahawa sesuatu akan berlaku atau terwujud pada masa akan datang sebagai hasil dari keadaan atau tindakan semasa.

PK4: kesimpulan:

Makna ini boleh diinterpretasikan sebagai:


- Titik permulaan: Premis atau maklumat awal
- Laluan: Proses pemikiran atau analisis
- Destinasi: Kesimpulan atau rumusan akhir

"Padah" menggambarkan perjalanan mental dari set maklumat awal yang melalui proses pemikiran ke arah kesimpulan. Konsep berkenaan menggambarkan bahawa "padah" adalah hasil akhir dari satu rangkaian pemikiran atau peristiwa. Semua makna yang dinyatakan oleh peserta kajian boleh diinterpretasikan menggunakan skema imej LALUAN. Skema ini membolehkan kita melihat "padah" sebagai satu konsep yang melibatkan pergerakan atau transformasi dari satu keadaan kepada keadaan yang lain, sama ada secara fizikal, temporal, atau konseptual. Jelaslah bahawa, skema imej LALUAN membantu menjelaskan bagaimana makna "padah" boleh berkembang dari makna teras (alamat atau tanda kejadian akan datang) kepada makna-makna pinggiran yang lebih abstrak seperti akibat, kesimpulan, atau merujuk kepada masa hadapan yang tidak ditentukan.

iv. Leksikal “kerap”

Rajah 7


Kerangka Jaringan Radial “kerap”



Rajah 7 menunjukkan kerangka jaringan radial yang menjelaskan makna teras (MT) dan makna pinggiran (MP) bagi leksikal “kerap”. Tidak terdapat makna pinggiran baharu (MPB) dinyatakan oleh peserta kajian. Makna teras bagi leksikal “kerap” ialah acap kali, berkali-kali, selalu dan sering. Hanya terdapat satu sahaja makna pinggiran bagi leksikal “kerap” yang bermaksud tidak jarang, rapi dan rapat kedudukannya antara satu sama lain. Semua peserta kajian telah menyatakan maksud leksikal “kerap” sebagai selalu. Prinsip kognitif yang terlibat dalam menghuraikan konsep makna “kerap” ialah skema imej SKALA. Berikut adalah profil skema imej SKALA untuk leksikal “kerap”.

Rajah 8

Skema Imej LALUAN



Berdasarkan makna teras "kerap" yang bermaksud acap kali, berkali-kali, selalu dan sering, serta makna pinggiran yang bermaksud tidak jarang, rapi dan rapat kedudukannya antara satu sama lain, skema imej SKALA lebih sesuai digunakan untuk menjelaskan leksikal ini. Skema imej SKALA yang ditunjukkan dalam Rajah 7 menjelaskan konsep leksikal "kerap" melalui dua dimensi skala yang berbeza. Dimensi pertama menggambarkan makna teras (MT) yang berkaitan dengan kekerapan kejadian, iaitu skala bergerak dari "jarang" ke "sangat kerap". Skala ini menunjukkan bagaimana konsep "kerap" merujuk kepada kuantiti kejadian yang tinggi dalam satu tempoh masa, sejajar dengan makna teras "acap kali", "berkali-kali", "selalu" dan "sering".

Dimensi kedua rajah tersebut menggambarkan makna pinggiran (MP) yang berkaitan dengan kedekatan jarak fizikal, iaitu skala bergerak dari "jauh" ke "sangat rapat". Peralihan dari makna teras kepada makna pinggiran dapat dijelaskan melalui pemahaman metafora. Dalam konteks ini, kekerapan dalam domain masa dipetakan kepada kedekatan dalam domain ruang. Sama seperti sesuatu yang kerap berlaku mempunyai "jarak" masa yang dekat antara kejadian. Makna pinggiran "rapat" dan "rapi" merujuk kepada jarak fizikal yang dekat antara objek atau kedudukan. Skema imej SKALA dengan jelas menunjukkan bagaimana konsep kuantiti dan jarak saling berkait dalam membentuk


makna keseluruhan leksikal "kerap".

Berdasarkan Jadual 1, dapat diperhatikan bahawa semua peserta kajian memahami makna leksikal "kerap" sebagai "selalu". Tidak terdapat data yang menunjukkan makna leksikal "kerap" dikaitkan dengan makna pinggiran. Selain itu, tidak terdapat juga makna pinggiran baharu bagi leksikal berkenaan. Jelaslah bahawa, peserta kajian tidak menghadapi kesukaran untuk memahami makna "kerap". Mereka dapat menyatakan konsep kekerapan dan pengulangan dalam konteks bahasa dan dikaitkan dengan pengalaman mereka seharian. Dapatan ini menunjukkan bahawa skema imej SKALA adalah asas kognitif yang kuat dalam pemahaman konsep "kerap" dalam kalangan peserta kajian.

v. Leksikal "ceria"


Rajah 9

Kerangka Jaringan Radial "ceria"



Rajah 9 menjelaskan kerangka jaringan radial leksikal "ceria" berdasarkan makna teras (MT), makna pinggiran (MP) dan makna pinggiran baharu (MPB). Terdapat tiga makna teras bagi leksikal "ceria". Makna teras yang pertama bermaksud bersih, cantik dan indah yang merujuk kepada ruang atau kawasan tertentu. Makna teras yang kedua mengaitkan "ceria" untuk menggambarkan perwatakan yang riang dan gembira. Makna teras yang ketiga mengaitkan leksikal "ceria" dengan pakaian dan lain-lain. Pakaian yang "ceria" bermaksud tidak bernoda, suci, murni dan menceriaikan. Terdapat dua makna pinggiran bagi leksikal "ceria". Makna pinggiran yang pertama merujuk kepada ucapan (kata-kata tertentu sebagai jampi), dan makna pinggiran yang kedua bermaksud mendidik dan memelihara. Terdapat hanya satu makna pinggiran baharu yang dinyatakan oleh peserta kajian iaitu "kisah". Peluasan makna "ceria" boleh dijelaskan melalui skema imej DAYA yang diperkenalkan oleh Lakoff (1987). Berikut adalah profil skema imej DAYA untuk "ceria".

Rajah 10
Skema Imej DAYA



Rajah 10 menunjukkan secara terperinci bagaimana skema imej DAYA bertindak sebagai pengikat dalam peluasan makna leksikal "ceria". Di pusat rajah, DAYA diletakkan sebagai konsep teras yang mempunyai keupayaan untuk mengubah keadaan kepada yang lebih positif. Peluasan makna berlaku dalam tiga tahap utama yang diwakili oleh warna berbeza. Makna teras (MT) dalam warna biru muda, makna pinggir (MP) dalam warna hijau muda, dan makna pinggir baharu (MPB) dalam warna kuning muda. Dalam konteks makna teras (MT), DAYA beroperasi dalam tiga domain berbeza, iaitu MT1 menunjukkan DAYA yang mengubah keadaan fizikal ruang atau kawasan menjadi bersih dan indah. MT2 menggambarkan DAYA yang mentransformasikan perwatakan dan emosi menjadi riang dan gembira, dan MT3 memperlihatkan DAYA yang membersihkan dan menyucikan objek khususnya pakaian. Anak panah yang menghubungkan setiap MT dengan pusat menunjukkan aliran DAYA yang membawa perubahan positif dalam setiap domain.

Peluasan kepada makna pinggir (MP) ditunjukkan melalui dua cabang, iaitu MP1 yang melibatkan DAYA dalam bentuk kata-kata atau jampi yang memberi kesan positif, dan MP2 yang menggambarkan DAYA dalam konteks pendidikan, dan pembentukan. Kedua-dua MP ini menunjukkan bagaimana DAYA berkembang dari aspek fizikal kepada aspek yang lebih abstrak. Makna pinggir baharu (MPB) yang merujuk kepada "kisah" diletakkan di bahagian bawah rajah bagi menunjukkan perkembangan terkini dalam pemahaman DAYA "ceria" sebagai medium naratif yang mampu membawa perubahan positif kepada pembaca atau pendengar.

Penggunaan warna dan susunan hierarki dalam rajah berkenaan membantu menjelaskan bagaimana skema imej DAYA berfungsi sebagai konsep pengikat yang menghubungkan semua peluasan makna "ceria", dari makna konkrit kepada makna yang lebih abstrak. Anak-anak panah dalam rajah menggambarkan arah tindakan DAYA dan hubungan kait antara setiap domain makna. Hal ini menunjukkan bagaimana DAYA sentiasa beroperasi untuk membawa perubahan positif dalam pelbagai konteks. Berikut pula adalah penjelasan terhadap makna "ceria" yang dinyatakan oleh peserta kajian:

PK1: bahagia

PK1 mentafsirkan "ceria" sebagai "bahagia". Pemahaman berkenaan menunjukkan DAYA yang memberi kesan kepada emosi seseorang.

PK2, PK4, PK5, PK6 dan PK8 : gembira

Lima orang peserta kajian berkenaan mentafsirkan "ceria" sebagai "gembira". Tafsiran berkenaan menggambarkan DAYA yang mengubah keadaan emosi seseorang menjadi positif. Hal ini menunjukkan kebanyakan PK memahami "ceria" sebagai DAYA yang memberi impak kepada keadaan mental dan emosi.

PK3: ceria

PK3 memberikan tafsiran yang berbeza dengan mentafsirkan "ceria" sebagai "kesas (kisah)", yang juga dikenal pasti sebagai makna pinggiran baharu (MPB) dalam jadual. Tafsiran ini menunjukkan DAYA "ceria" yang hadir dalam bentuk naratif atau penceritaan yang mampu mempengaruhi pembaca atau pendengar.

PK7: gembira, girang


PK7 pula memberikan tafsiran gabungan "gembira/girang" yang menunjukkan DAYA yang lebih intensif dalam mengubah keadaan emosi seseorang.

Tafsiran PK terhadap leksikal "ceria" menunjukkan dominasi pemahaman tentang DAYA yang memberi kesan kepada aspek emosi dan perasaan. Walau bagaimanapun, kemunculan tafsiran "kesas (kisah)" memperlihatkan bagaimana DAYA "ceria" boleh diperluas kepada medium penceritaan yang bertindak sebagai penghantar DAYA positif. Ini menunjukkan bahawa PK memahami "ceria" bukan sahaja sebagai DAYA yang bertindak secara langsung ke atas emosi, tetapi juga sebagai DAYA yang boleh disampaikan melalui medium tidak langsung seperti kisah atau cerita. Secara keseluruhannya, skema imej DAYA mengikat kesemua peluasan makna "ceria" melalui konsep perubahan positif yang dihasilkan, sama ada secara fizikal (kebersihan), emosi (kegembiraan), spiritual (kesucian), atau sosial (pendidikan dan hiburan).


vi. Leksikal “bekas”

Rajah 11

Kerangka Jaringan Radial “bekas”



Rajah 11 menjelaskan kerangka jaringan radial leksikal "bekas" berdasarkan makna teras (MT), makna pinggiran (MP) dan makna pinggiran baharu (MPB). Perkataan "bekas" terdiri daripada dua makna teras (MT) iaitu T1 dan T2. T1 merujuk kepada tanda-tanda atau kesan yang ditinggalkan pada sesuatu yang dipegang, manakala T2 bermaksud sesuatu yang dahulunya pernah menjadi tetapi tidak lagi pada masa kini. Makna pinggiran (MP) "bekas" diertikan sebagai tempat menyimpan (menaruh) sesuatu seperti sirih. Terdapat makna pinggiran baharu yang dinyatakan oleh peserta kajian, iaitu perabot, *tupperware* dan bekal. Bagi menjelaskan konsep "bekas" dari perspektif makna teras, makna pinggiran dan makna pinggiran baharu dan jawapan peserta kajian, terdapat dua skema imej utama yang mengikat peluasan makna "bekas", iaitu skema imej BEKAS dan skema imej LALUAN. Berikut adalah profil skema imej BEKAS dan skema imej LALUAN untuk "bekas".

Rajah 12*Skema Imej BEKAS dan Skema Imej LALUAN*

Skema imej BEKAS melibatkan tiga elemen asas, iaitu ruang dalaman, sempadan dan ruang luaran. Dalam konteks "bekas", ruang dalaman merujuk kepada kawasan sesuatu disimpan atau ditinggalkan (sama ada kesan fizikal atau objek). Sempadan menandakan had antara ruang dalaman dan luaran bagi membezakan antara bahagian yang termasuk dan yang tidak termasuk dalam "bekas". Ruang luaran adalah kawasan di luar sempadan "bekas". Skema imej BEKAS membolehkan kita memahami konsep "bekas" secara abstrak dan konkrit, merangkumi kedua-dua makna teras dan makna pinggiran.

Selain itu, bagi makna teras yang kedua, skema imej LALUAN lebih dominan kerana melibatkan pergerakan dari satu titik ke titik yang lain merentasi masa. Dalam konteks makna teras yang kedua, skema imej LALUAN bergerak dari status "kawan" (titik permulaan) kepada status "bukan kawan" (titik akhir) melalui satu laluan masa. Skema LALUAN ini menekankan perubahan keadaan yang berlaku secara linear dan tidak boleh dibalikkan, menunjukkan sifat kekal perubahan status tersebut. Berikut adalah penjelasan terhadap makna "bekas" yang dinyatakan oleh peserta kajian:

PK1, PK3 dan PK7 : tempat meletak barang. *Tupperware*, benda yang boleh mengisi makanan

Makna yang dinyatakan dipengaruhi oleh faktor persekitaran yang membentuk kefahaman peserta kajian. Contohnya, fungsi *tupperware* yang biasa digunakan di rumah. Makna yang difahami oleh ketiga-tiga orang peserta kajian adalah berkaitan dengan makna pinggiran. Dalam konteks memahami makna leksikal "bekas", seperti yang diuraikan melalui skema imej BEKAS, konsep bekas, pengisi, dan sempadan dapat membantu membezakan makna homonim berdasarkan konteks penggunaannya.

PK4, PK5 dan PK6: bekal

"Bekal" bermaksud makanan yang dibawa dari rumah untuk ke sekolah atau sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa skema imej BEKAS membantu peserta kajian memahami makna perkataan, dengan mengaitkannya dengan pengalaman fizikal dan persepsi ruang mereka.

PK2: perabot

Konsep "bekas" yang meliputi makna seperti tanda-tanda, tempat menyimpan, dan bahkan perabot dapat diinterpretasikan melalui kerangka skema imej BEKAS kerana perabot juga berfungsi sebagai tempat menyimpan atau menampung sesuatu. Oleh itu, makna "bekas" yang dinyatakan oleh peserta kajian, termasuk perabot, masih dapat dikaitkan dan dijelaskan dengan baik menerusi pemahaman skema imej BEKAS.

PK8: bekas makanan dan bekas kawan

Makna yang ditampilkan sebagai "bekas kawan" mempunyai kaitan dengan makna teras yang kedua. Peserta kajian menjelaskan bahawa persahabatan pernah terjalin suatu ketika dahulu

namun sudah terputus dan ditinggalkan. Dalam erti kata yang lain, individu yang terlibat telah mengalami perubahan status hubungan persahabatan. Bagi menjelaskan tafsiran makna berkenaan, skema imej LALUAN adalah sangat praktikal untuk menjelaskan makna berkenaan.

Kebanyakan definisi menekankan fungsi "bekas" sebagai tempat penyimpanan atau penampungan, yang selaras dengan konsep ruang dalaman dalam skema imej BEKAS. Seterusnya, definisi yang diberikan menunjukkan variasi skala, daripada objek yang kecil seperti *tupperware* hingga perabot yang lebih besar dan data ini menunjukkan fleksibiliti dalam aplikasi skema imej BEKAS. Beberapa definisi (seperti bekas makanan dan bekal) menunjukkan pengkhususan fungsi, yang masih sesuai dengan skema imej BEKAS tetapi dengan batasan tambahan pada jenis kandungan. Selain itu, terdapat unsur perluasan metafora terhadap makna "bekas kawan" iaitu konsep hubungan sosial yang difahami melalui kerangka fizikal "bekas". Semua definisi menekankan aspek pemisahan antara ruang dalaman dan luaran yang merupakan ciri penting skema imej BEKAS dan skema imej LALUAN. Jelaslah bahawa, interpretasi makna "bekas" oleh peserta kajian menunjukkan bahawa skema imej BEKAS dan skema imej LALUAN sangat relevan dalam menjelaskan makna "bekas". Skema berkenaan membolehkan peserta memahami dan menjelaskan "bekas" dalam pelbagai konteks, iaitu melibatkan objek fizikal hingga kepada konsep abstrak, sambil mengekalkan elemen asas ruang dalaman, sempadan, dan ruang luaran.

5. Kesimpulan

Kajian ini telah mengenal pasti dan menganalisis enam leksikal homonim yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 menggunakan pendekatan Teori Semantik Kognitif. Setiap leksikal menunjukkan ketaksamaan makna yang unik dan kompleks, yang dapat dijelaskan melalui skema imej yang berbeza. Analisis menunjukkan bahawa pemahaman murid terhadap makna leksikal sering dipengaruhi oleh pengalaman seharian dan konteks penggunaan yang kadangkala menghasilkan makna pinggiran baharu yang berbeza daripada makna teras dan makna pinggiran yang sedia ada. Hal ini selari dengan dapatan kajian Hasmidar Hassan (2023), yang menyatakan bahawa bahasa bersifat dinamik dan penggunaan bahasa sangat dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Perubahan ini berlaku secara diakronik dan juga secara sinkronik.

Penggunaan skema imej dalam menganalisis ketaksamaan makna terbukti berkesan dalam menjelaskan bagaimana murid mengkonseptualisasikan makna perkataan. Skema imej DAYA untuk "pupuk", skema imej SKALA dan RUANG untuk "paras", skema imej LALUAN untuk "padah", skema imej SKALA untuk "kerap", skema imej DAYA untuk "ceria", dan skema imej BEKAS dan skema imej LALUAN untuk "bekas", telah memberikan kerangka konseptual yang jelas untuk memahami bagaimana makna-makna ini berkembang dan saling berkait. Kajian ini juga mendedahkan bahawa peserta kajian cenderung untuk mengaitkan makna perkataan dengan pengalaman konkrit mereka, yang kadangkala menghasilkan interpretasi yang berbeza daripada makna kamus.

Dapatan kajian ini memberi implikasi penting terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, khususnya dalam konteks pemahaman makna perkataan homonim. Ketaksamaan makna dalam buku teks yang mengandungi unsur homonim menunjukkan keperluan untuk pendekatan pengajaran yang lebih sistematik dan kontekstual dalam menangani isu ini. Dalam konteks yang lebih luas, menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah (2018), bahasa memainkan peranan penting dalam sesebuah kehidupan kerana ungkapan yang dizahirkan melalui ungkapan terhasil daripada bahasa yang diperoleh melalui pelbagai konsep, perkataan dan ungkapan. Bahasa memainkan peranan utama yang bukan sahaja untuk mewujudkan antara dua atau lebih penutur malah, ia juga sebagai sebahagian daripada identiti bangsa kepada individu atau penutur. Guru perlu sedar akan kewujudan pelbagai interpretasi makna yang mungkin timbul dalam kalangan murid dan menggunakan pendekatan yang sesuai untuk membimbing pemahaman mereka ke arah makna yang dimaksudkan.

Bagi penambahbaikan, beberapa cadangan boleh dipertimbangkan: (1) pengembangan bahan pengajaran yang mengintegrasikan skema imej secara eksplisit untuk membantu murid memahami ketaksamaan makna, (2) latihan profesional untuk guru dalam menggunakan pendekatan semantik kognitif untuk pengajaran kosa kata, (3) penyusunan buku teks yang lebih teliti dengan memberi perhatian kepada potensi ketaksamaan makna, dan (4) pembangunan strategi penilaian yang dapat

mengukur pemahaman murid terhadap ketaksan makna dengan lebih tepat. Kajian lanjutan juga diperlukan untuk meneroka bagaimana ketaksan makna mempengaruhi pemahaman bacaan murid secara keseluruhan dan bagaimana isu ini boleh dimanfaatkan sebagai alat pedagogi yang berkesan. Kenyataan ini selari dengan pendapatan yang dikemukakan oleh Chew Fong Peng dan Saidatul Aliah Amir (2023), yang menyatakan bahawa kebolehan yang tinggi dalam kemahiran bahasa pasti dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran murid dalam subjek Bahasa Melayu dan mata pelajaran tertentu .

Rujukan

- Anida Sarudin, Zulkifli Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Mohd Amir Zahari & Marlini Idris. (2020). Analisis pelaksanaan elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Orang Asli. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 48-63.
- Bai, J., Bai, S., Chu, Y., Cui, Z., Dang, K., Deng, X., ... & Zhu, T. (2023). Qwen technical report. *arXiv preprint arXiv:2309.16609*.
- Caitlin A Rice, Barend Beekhuizen, Vladimir Dubrovsky, Suzanne Stevenson & Blair C Armstrong. (2019). A comparison of homonym meaning frequency estimates derived from movie and television subtitles, free association, and explicit ratings. *Behavior research methods*, 51(3):1399–1425
- Chew Fong Peng & Saidatul Aliah Amir. (2023). Tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun satu: Level of literacy in writing skills in the Malay language among year one pupils. *PENDETA*, 14(1), 74–87. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.7.2023>
- Dan Sperber Deirdre Wilson. (1986). *Relevance: Communication and cognition* (Vol. 142). Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Erik Santoso. (2020). Ambiguitas pada judul berita surat kabar Suara Merdeka edisi September - Oktober 2019 dan implikasi terhadap pembelajaran bahasa Indonesia di SMA, Indonesia: Skripsi. *Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan*. Universitas Pancasakti Tegal.
- Hasmidar Hassan. (2023). Kajian linguistik bahasa Melayu bersumberkan korpus. Kekuatan dan kelemahannya. *PENDETA*, 14(1), 23–34. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.fa.2.2023>
- Jie Yu. (2022). A brief review of the effects of image schema theory on the acquisition of polysemy. *Journal of Language Teaching*, 2(4), 1-6.
- Kaltsa, M., & Papadopoulou, D. (2023). Lexical ambiguity resolution & bilingual language experience: Evidence from Albanian-Greek bilingual children of immigrant families. *Ampersand*, 11, 100132.
- Lakoff, G. (1987). Image metaphors. *Metaphor and Symbol*, 2(3), 219-222.
- Maria Kaltsa, Anthoula Tsolaki, Despina Papadopoulou, Lanthi Maria Tsimpli & Magda Tsolaki. (2023). Eliciting evidence on linguistic perspectives for subjective cognitive impairment, mild cognitive impairment and alzheimer's disease: A cross-sectional study. *Alzheimer's Dement.*, 19: e076053. <https://doi.org/pustakaupsi.idm.oclc.org/10.1002/alz.076053>
- Mohd Khairul Akhbar Jahiruddin, Zulazhan Ab. Halim & Mohamad Azwan Kamarudin. (2023). Ciri-ciri Linguistik Buku Teks Bahasa Arab Darul Quran JAKIM: Satu Analisis [Linguistic Features of Darul Quran JAKIM Arabic Textbook: An Analysis]. *BITARA International of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 6(3), 155-168.
- Muhamad Naufal Badarudin, Harun Baharudin & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2021). Keberkesanan Strategi Pemerolehan Kosa Kata Bahasa Arab Melalui Teknologi Multimedia Penceritaan Digital dan Lakonan. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (Acer-J)*. *EISSN2600-769X*, 4(1), 20-39.
- Muhammad Saibani Wiyanto. (2022). Semantic Perspective on Lexical Ambiguity in English Textbook. *English Education: Journal of English Teaching and Research*, 7(1), 80-95.
- Mursia Ekawati dan Asri Wijayanti (2017). Ketaksan Judul Berita dan Implikasinya Pada Pembaca. *Seminar Nasional Riset Inovatif*, ISBN: 978-602-6428-11-0
- Norziana Mat Rabi, Zulkifli Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan & Norfishah Mat Rabi. (2020). Penerapan elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam buku teks bahasa Melayu tahun enam sekolah rendah: The Application of Higher Order Thinking Skills Elements in Malay Language Standard Six Textbook. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 57-67.
- Nur Farakhanna Rusli. (2022). Hubung kait antara kesalahan ejaan murid dengan ragam bahasa dalam ujaran guru. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 4(1), 58-74.
- Nurul Hasna Hassan. (2020). *Kemahiran berfikir kritis dalam buku teks Bahasa Melayu kurikulum standard sekolah rendah tahap dua* [Tesis Kedoktoran]. Universiti Malaya.
- Nurul Hasna Hassan, Ahmad Arifin Sapar & Saedah Siraj. (2020). Analisis Kandungan terhadap penampilan kandungan, soalan dan aktiviti buku teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap Dua: data anekdot. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 1-12.

- Reem Ibrahim Rabadi. (2015). Adult L2 learners need a reading comprehension test: Is it a C-test or a cloze test. *International Journal of Linguistics*, 7(5), 68-85.
- Rice, C. A., Beekhuizen, B., Dubrovsky, V., Stevenson, S., & Armstrong, B. C. (2019). A comparison of homonym meaning frequency estimates derived from movie and television subtitles, free association, and explicit ratings. *Behavior Research Methods*, 51(3), 1399–1425. doi: 10.3758/s13428-018-1107-7
- Singh Shilpa1, Mishra Sunita. (2016). Positive influence of the multimedia in primary education. *The International Journal of Indian Psychology* 2016, 3(2), 179-183.
- Shan Wang, Xiaojun Liu dan Jie Zhou. (2023). Cvalues: Measuring the values of chinese large language models from safety to responsibility. *arXiv preprint arXiv:2307.09705*.
- Tay, D. (2021). Image schemas. In *The Routledge handbook of cognitive linguistics* (pp. 161-172). Routledge.
- Ullman & Stephen, (2007). *Pengantar semantik*: Pustaka Pelajar.
- Wan Nurzuliana Wan Mustafa. (2019). Amalan guru dalam melaksanakan kemahiran literasi bahasa Melayu bagi program LINUS di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(3), 1-11.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Bahasa dalam realiti kehidupan dan realiti kehidupan bahasa. *Jurnal Komunikasi*, 34(2): 338-353.
- Zul Hanis Yop Othman & Nabillah Bolhassan. (2020). Leksikal penutur dialek Pulau Pinang dalam kalangan kakitangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dari sudut pragmatik. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 190-200.
- Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2020). Ketaksaaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu. *Jurnal Linguistik Vol. 24* (1) Jun 2020 (033-050).

Biodata Penulis

Farizah binti Hashim merupakan calon Doktor Falsafah dari Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penumpuan bidang kajiannya ialah Semantik.

Dr. Nur Farahkhanna Mohd Rusli (PhD) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Bidang pengkhususan beliau ialah Linguistik Melayu, Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu.

Prof. Madya Dr Anida binti Sarudin merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Semantik, Wacana dan Korpus.